



Amanah Hartanah Bumiputera – Suntikan Aset Ke-9 dan Suntikan Tunai

Pelaburan Hartanah Berhad (“PHB”), sebagai Penaja dan Maybank Asset Management Sdn Bhd, sebagai Pengurus Amanah Hartanah Bumiputera (“AHB” atau “Dana”), ingin mengumumkan bahawa PHB dan AmanahRaya Trustees Berhad (“ART”), sebagai Pemegang Amanah Dana, telah bersetuju untuk Maersk Warehouse (dahulunya dikenali sebagai LF Logistics Warehouse) dan Wisma Consplant digantikan dengan asset-aset yang sama dan disuntik semula pada nilai suntikan yang lebih tinggi melalui notis penguatkuasaan Aku janji Penggantian bertarikh 8 November 2023 dengan bayaran tambahan berjumlah RM100,000,000 (untuk Maersk Warehouse) dan RM50,000,000 (untuk Wisma Consplant) yang diselesaikan menerusi penerbitan unit-unit baru AHB sebagai tambahan kepada nilai suntikan semasanya yang berjumlah RM95,000,000 (untuk Maersk Warehouse) dan RM155,000,000 (untuk Wisma Consplant).

Menurut Perjanjian Pajak bertarikh 7 Disember 2023 yang diikat antara PHB dan ART, ART telah memajakkan Maersk Warehouse dan Wisma Consplant kepada PHB seperti berikut:

Aset Pajak	Bayaran Pajak Setahun	Tempoh Pajak
Maersk Warehouse	RM8,775,000	15 Januari 2024 sehingga 30 November 2029
Wisma Consplant	RM9,225,000	15 Januari 2024 sehingga 16 Oktober 2033

Tambahan kepada Suntikan Aset Ke-9 di atas, Penaja juga telah menyuntik RM50,000,000 dalam bentuk tunai ke dalam AHB untuk penerbitan unit-unit baru AHB.

Unit-unit AHB boleh dibeli mulai 18 Januari 2024 di semua cawangan-cawangan Maybank, AmBank, AmBank Islamic dan Bank Islam di seluruh negara. Sesalinan Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 18 Januari 2024 (yang meminda Prospektus bertarikh 1 Disember 2020, seperti yang dipinda oleh Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 30 November 2022 dan Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 15 November 2023) berhubung dengan Suntikan Aset Ke-9 dan Suntikan Tunai boleh diperolehi daripada www.maybank-am.com.my/product.

Pengumuman ini bertarikh 18 Januari 2024.